



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/11/78 (HQ)

### TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP PENYALAHGUNAAN TANDA DAGANGAN TNB

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** ingin menasihatkan orang ramai mengenai pelanggaran hak atau penyalahgunaan nama, logo serta tanda dagangannya (*trademark*) dalam apa jua bentuk.

Nama ‘Tenaga Nasional Berhad’ dan logonya adalah tanda dagangan (*trademark*) berdaftar syarikat menurut Akta Cap Dagangan 2019. Oleh itu, sebarang penggunaan tanda dagangan (*trademark*) oleh orang ramai perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada TNB.

TNB berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sewajarnya terhadap mana-mana syarikat dan/atau individu yang melanggar hak atau menyalahguna nama dan logonya.

Mana-mana individu yang melanggar hak atau menyalahguna nama dan logo Tenaga Nasional Berhad dalam apa jua bentuk dinasihatkan untuk segera berhenti berbuat sedemikian.

Orang ramai yang mengetahui mengenai pelanggaran hak atau penyalahgunaan tanda dagangan (*trademark*) TNB boleh memaklumkannya menerusi e-mel [GCC.Trademark@tnb.com.my](mailto:GCC.Trademark@tnb.com.my).

TNB juga ingin menasihatkan orang ramai agar tidak mendapatkan perkhidmatan daripada mana-mana syarikat yang mendakwa ia telah memperoleh persetujuan atau dilesenkan oleh TNB untuk membantu pendaftaran, pembaharuan sijil dan mengemaskini maklumat vendor menerusi laman webnya yang tidak mempunyai kebenaran [www.e-tnb.com.my](http://www.e-tnb.com.my) dan [www.e-vendor.com.my](http://www.e-vendor.com.my).

TNB tidak pernah melantik mana-mana syarikat atau pihak lain sebagai ejen untuk melakukan proses pendaftaran, pembaharuan sijil atau kemaskini profil bagi vendor, pembekal dan kontraktor. Semua syarikat perlu berurus secara langsung dengan TNB melalui TNB Supply Chain Management System di pautan <https://srm.tnb.com.my/portal> atau melalui e-mel [e-vendor\\_perolehan@tnb.com.my](mailto:e-vendor_perolehan@tnb.com.my).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 November 2020, jam 2:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*